

Soalan No : 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 16.11.2015

SOALAN :

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik guru-guru yang tinggal di negeri berasingan dengan pasangan disebabkan penempatan mengajar yang berbeza dalam 5 tahun dari 2010-2015 dan adakah ia semakin menurun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha menempatkan guru-guru yang tinggal berasingan untuk tinggal bersama. Namun, keutamaan pelaksanaan penempatan dan pertukaran ini adalah berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan. Untuk makluman, jumlah guru yang memohon pertukaran bagi mengikut pasangan sehingga 6 Oktober 2015 adalah seramai 5.4% (7,321) di sekolah menengah dan 4.7% (9,470) orang di sekolah rendah.